



BLUEPRINT 2.0
**AMALAN HIJAU DAN APLIKASI
TEKNOLOGI HIJAU
POLIS DIRAJA MALAYSIA
2016-2020**

PDRM Lestari, Masyarakat Sejahtera



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI



KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

PRAKATA KETUA POLIS NEGARA

PRAKATA PENGARAH JABATAN PENGURUSAN

1.0 PENGENALAN

2.0 KOMITMEN PDRM KE ARAH PERTUMBUHAN HIJAU

3.0 INISIATIF AMALAN HIJAU DAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU PDRM 2014 - 2015

3.1 Pengukuhan Kerangka Institusi Bagi Pelaksanaan Program *Go Green* PDRM

3.2 Pengurusan Harian dan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)

3.3 Pengurusan Bangunan, Tenaga, dan Utiliti

3.4 Pengurusan Pengangkutan

3.5 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

3.6 Komuniti dan Masyarakat

3.7 Lain-Lain

4.0 PENCAPAIAN PROGRAM *GO GREEN* PDRM 2014 - 2015

5.0 KERANGKA *BLUEPRINT*

6.0 STRATEGI DAN INDIKATOR

6.1 Sasaran Output, Strategi dan Indikator

6.2 Strategi Membudayakan Amalan Hijau

6.3 Strategi Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)

7.0 BIDANG TUMPUAN UTAMA *BLUEPRINT*

8.0 PELAN TINDAKAN BAGI BIDANG TUMPUAN UTAMA

8.1 Pengurusan Harian dan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)

8.2 Bangunan, Tenaga, dan Utiliti

8.3 Pengurusan Pengangkutan

8.4 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

8.5 Pengurusan Sisa Pepejal

9.0 KESIMPULAN

GLOSARI

PENGHARGAAN

JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMBANGUNAN *BLUEPRINT* 2.0

STRUKTUR TADBIR URUS JAWATANKUASA AMALAN HIJAU DAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU PDRM



KATA ALU-ALUAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

Assalamualaikum w.b.k.t.h, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.




Usaha Polis Diraja Malaysia dalam menyahut usaha Kerajaan dalam melaksanakan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau merupakan satu usaha yang murni bagi mentransformasikan Malaysia ke arah pembangunan yang lestari. Ini menunjukkan keprihatinan PDRM menjaga kelestarian alam sekitar bagi kesejahteraan dan keselamatan masyarakat.

Dengan terhasilnya **Blueprint 2.0** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau Polis Diraja Malaysia 2016 - 2020 ini, ia sekaligus membuktikan Polis Diraja Malaysia meneruskan kecemerlangan pelaksanaan **Blueprint** yang telah dilancarkan sebelum ini dan sekaligus menjadi pelopor dan perintis dalam Pembangunan Teknologi Hijau Negara. Sokongan, komitmen dan dedikasi seluruh warga Polis Diraja Malaysia dalam merealisasikan hasrat Kerajaan bagi menghasilkan persekitaran yang lebih baik, pertumbuhan yang mampan, serta pengurusan dan pemuliharaan sumber yang mantap harus dipuji dan dijadikan role-model oleh semua organisasi.

Sesungguhnya, peranan Polis Diraja Malaysia dalam menjayakan wawasan Malaysia mengurangkan intensiti karbon menjelang 2020 selari dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) adalah amat besar dan menjadi tanggungjawab kita semua. Saya percaya **Blueprint 2.0** ini akan menjadi garis panduan yang jelas kepada seluruh warga Polis Diraja Malaysia dalam melaksanakan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau. Saya juga berharap supaya amalan sebegini akan menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan lain agar dapat menyumbang ke arah matlamat negara maju yang lestari.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Polis Diraja Malaysia.

Sekian.



DATU' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri
merangkap Menteri Dalam Negeri

PRAKATA KETUA POLIS NEGARA

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinnya, **Blueprint 2.0** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau Polis Diraja Malaysia 2016 – 2020 dapat disediakan dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Malaysian Green Technology Corporation. **Blueprint 2.0** ini dibangunkan bagi meneruskan lagi pelaksanaan agenda teknologi hijau Polis Diraja Malaysia bagi tempoh lima tahun berikutnya iaitu 2016 - 2020 selepas kejayaan Polis Diraja Malaysia menghasilkan Blueprint Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abd Razak pada 9 Januari 2014 dan melaksanakannya untuk tempoh dua tahun dari tahun 2014 sehingga 2015.

Dengan adanya **Blueprint 2.0** ini, seluruh warga Polis Diraja Malaysia dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa Polis Diraja Malaysia adalah produktif dan agresif dalam melaksanakan amalan hijau.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat bersama-sama berusaha menghasilkan **Blueprint 2.0** ini terutamanya pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) dan semua pegawai Polis Diraja Malaysia.

Adalah menjadi harapan saya, imej Polis Diraja Malaysia dapat ditingkatkan bukan sahaja bertanggungjawab menjaga keselamatan negara malahan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan memulihara alam sekitar menerusi Program **Go Green** ini dan setaraf dengan pasukan polis lain di peringkat Antarabangsa. **Blueprint 2.0** ini diharap berupaya mengubah minda warga Polis Diraja Malaysia kepada amalan dan gaya hidup yang lebih lestari selain menyediakan persekitaran yang lebih selamat, selesa dan sihat untuk warga Polis Diraja Malaysia dan seluruh masyarakat amnya.

“PDRM Lestari, Masyarakat Sejahtera”

Sekian.



(TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR) IG
Ketua Polis Negara

PRAKATA PENGARAH JABATAN PENGURUSAN

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.



Usaha Polis Diraja Malaysia dalam menghasilkan **Blueprint 2.0** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau Polis Diraja Malaysia adalah selari dengan peredaran masa dan dasar kerajaan bagi menggalakkan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 45% dari aras tahun 2005 menjelang tahun 2030.

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab terhadap keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia tidak ketinggalan untuk bersama-sama merealisasikan komitmen kerajaan dengan memperkembangkan inisiatif hijau yang telah dilaksanakan melalui **Blueprint** terdahulu yang telah dilancarkan sendiri oleh YAB Dato' Seri Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Agenda teknologi hijau akan diteruskan dengan lebih agresif lagi melalui pelan tindakan yang telah ditetapkan dalam **Blueprint 2.0** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau Polis Diraja Malaysia.

Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau Polis Diraja Malaysia ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Polis Diraja Malaysia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan **Blueprint** terdahulu sehingga kita berjaya mencapai peratusan 85% (4 bintang) sepanjang tahun 2014-2015. Ini merupakan kejayaan yang sangat membanggakan sekaligus dapat dijadikan panduan yang mantap dan jelas oleh agensi kerajaan lain dalam melaksanakan inisiatif hijau ini.

Saya optimis dan percaya hasrat dan matlamat Polis Diraja Malaysia untuk menyokong kelestarian alam sekitar dengan lebih efisien akan tercapai dengan jayanya melalui penglibatan semua warga Polis Diraja Malaysia dengan bantuan dan kerjasama daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) serta berkolaborasi dengan lain-lain agensi di dalam dan luar kerajaan.

"PDRM GO GREEN"

Sekian.



(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP
Pengarah Jabatan Pengurusan
(Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk
Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau PDRM)

1.0 PENGENALAN

Blueprint 2.0 Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau Polis Diraja Malaysia 2016 - 2020 merupakan kesinambungan daripada Buku **Blueprint** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau PDRM yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak yang mana **Blueprint** tersebut merupakan pelan tindakan jangka pendek yang mensasarkan pelaksanaannya sehingga tahun 2015.



Ini merupakan salah satu inisiatif PDRM untuk membangunkan agenda teknologi hijau negara disamping meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada 109,000 orang warga PDRM serta masyarakat amnya tentang kepentingan memulihara alam sekitar untuk kehidupan yang lebih baik, sihat dan selesa.

Setelah berakhirnya pelaksanaan **Blueprint** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau PDRM pada tahun 2015, pihak GreenTech Malaysia telah melakukan penilaian pencapaian pelaksanaan dan PDRM telah berjaya memperoleh keputusan pencapaian sebanyak 85% iaitu 4-Bintang. Sijil Penghargaan Pencapaian Pelaksanaan **Blueprint** telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif GreenTech Malaysia kepada Ketua Polis Negara semasa program PDRM **Green Day** yang berlangsung pada 16 Disember 2015 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Blueprint 2.0 ini dibangunkan bagi merencanakan lagi pelaksanaan agenda **Go Green PDRM** di mana aktiviti dan sasaran telah ditetapkan untuk tempoh 5 tahun bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020. **Blueprint 2.0** ini nanti akan digunakan sebagai rujukan dan panduan di kalangan pegawai, anggota dan warga PDRM dalam melaksanakan segala aktiviti yang melibatkan amalan hijau serta aplikasi teknologi hijau dengan lebih agresif lagi selari dengan matlamat dan hala tuju yang disasarkan oleh pucuk pimpinan tertinggi.

1.1 Rancangan Malaysia Ke-11

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) telah mengumumkan kerajaan akan meningkatkan fokus kepada kelestarian dan alam sekitar menerusi Teras Strategik ke-4 iaitu "Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau Bagi Meningkatkan Kemampuan dan Daya Tahan". Dalam memastikan kemampuan dan daya tahan pembangunan melalui pertumbuhan hijau, kerajaan akan memberikan tumpuan kepada empat bidang utama seperti memperkukuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau, mengguna pakai konsep penggunaan dan pengeluaran mampan, pemuliharaan sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan, dan memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam.



Dalam RMK11, Malaysia akan beralih daripada pembangunan konvensional kepada pertumbuhan hijau yang lebih mampan. Peralihan ini akan meletakkan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 dengan ekonomi yang kukuh terhadap impak perubahan iklim serta bekalan sumber asli seperti air, makanan dan tenaga yang mencukupi dan terjamin. Kerjasama dan perkongsian tanggungjawab semua lapisan masyarakat termasuk individu adalah penting dalam melindungi alam sekitar dan biodiversiti. Kejayaan pertumbuhan hijau bukan hanya memperluas peluang ekonomi malah meningkatkan inklusiviti dan mengurangkan risiko bencana.

1.2 Sustainable Consumption and Production (SCP)

SCP merupakan salah satu pendekatan dalam mencapai pembangunan hijau. Ia adalah konsep yang menganjurkan pembangunan ekonomi tanpa merosakkan alam sekitar dan menjejaskan keperluan generasi hadapan. Sejak 2012, Malaysia telah melaksanakan projek SCP di bawah Bahagian Sokongan Dasar Program SWITCH-Asia. Di bawah projek SCP ini, **The National SCP Blueprint** 2016 - 2030 telah dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan konsep pengeluaran dan penggunaan mampan di Malaysia.



2.0 KOMITMEN PDRM KE ARAH PERTUMBUHAN HIJAU

“PDRM Komited Untuk Mengarusperdanakan Amalan Hijau Dan Aplikasi Teknologi Hijau Ke Arah Melestarikan PDRM Dan Menyumbang Secara Signifikan Kepada Kesejahteraan Masyarakat Dalam Aspek Ekonomi, Alam Sekitar Dan Sosial”



3.0 INISIATIF AMALAN HIJAU DAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU PDRM 2014 - 2015

3.1 Pengukuhan Kerangka Institusi Bagi Pelaksanaan Program *Go Green* PDRM

- a. **Penubuhan Jawatankuasa Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau**
Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja di Peringkat Bukit Aman dan Peringkat Negeri/Kontinjen/Briged/Pusat Latihan/Maktab telah ditubuhkan pada tahun 2014 bagi meneraju dan menetapkan hala tuju Program *Go Green* PDRM. Setelah meneliti keberkesanan pelaksanaan program ini, struktur tadbir urus jawatankuasa yang sedia ada telah disemak semula dan penambahbaikan telah dilakukan. Senarai lengkap struktur tadbir urus tersebut adalah seperti di lampiran (muka surat 51).
- b. **Penubuhan Bahagian Analisis dan Pembangunan Teknologi (TechAD)**
Bagi mengukuhkan pelaksanaan program berkaitan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau PDRM, Bahagian Analisis dan Pembangunan Teknologi (TechAD) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT) pada 31 Oktober 2014 yang merupakan Urus setia Jawatankuasa Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau bagi mengurus dan menyelaraskan Program *Go Green* PDRM.

3.2 Pengurusan Harian dan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)

a. Seminar Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)

PDRM dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) serta GreenTech Malaysia telah menganjurkan seminar pelaksanaan GGP melibatkan penyertaan pegawai tertinggi di setiap Pusat Tanggungjawab pada 27 November 2014 di Hotel Shangri-La Putrajaya yang telah dirasmikan oleh YDH Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar.



b. Sesi Latihan Pengurusan Tenaga dan Air

Pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan projek perintis yang dipilih telah turut serta dalam sesi latihan pengurusan tenaga dan air pada 30 Disember 2014 di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur. Tujuan latihan ini dianjurkan bertujuan meningkatkan kesedaran warga PDRM dalam menguruskan tenaga dan air secara lebih cekap dan efisien.



c. International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)

Selama 2 tahun berturut-turut, PDRM tidak ketinggalan untuk menyertai IGEM 2014 dan IGEM 2015 dengan mempamerkan inisiatif-inisiatif hijau yang telah dilaksanakan dan berkongsi kejayaan PDRM dalam mengaplikasikan teknologi hijau kepada delegasi dari dalam dan luar negara. Program ini merupakan acara tahunan anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan GreenTech Malaysia



bagi memberi peluang syarikat-syarikat dan agensi daripada dalam dan luar negara untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi hijau.

d. Pelaksanaan Program 3R (Reduce, Reuse, Recycle)

PDRM telah melaksanakan Program 3R dengan kerjasama Alam Flora melalui aktiviti pengumpulan dan penjualan sisa pepejal domestik yang boleh dikitar semula seperti kertas, kaca, botol plastik dan lain-lain setiap bulan bermula pada bulan Ogos 2015 di Menara 1 dan Menara 2 Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.



e. Bengkel Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) dan Penggunaan Kos Kitaran Hayat (LCC)

Seramai 11 orang pegawai PDRM mewakili beberapa kontinjen telah bersama-sama pegawai daripada agensi lain di bawah Kementerian Dalam Negeri menghadiri Bengkel GGP dan LCC selama 3 hari pada 26-28 Mei 2015 di Hotel Bangi-Putrajaya anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan GreenTech Malaysia.



Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai perolehan berkaitan pelaksanaan perolehan hijau yang merangkumi pemilihan produk serta penyediaan dokumen tender bagi perolehan berkonsepkan teknologi hijau.

f. Projek Perintis Perolehan Hijau Kerajaan

Bagi tahun 2014, PDRM telah membelanjakan sebanyak RM30 juta, dan RM11 juta bagi tahun 2015 bagi tujuan pembelian produk dan perkhidmatan berkonsepkan teknologi hijau. PDRM telah menjangkau sasaran yang ditetapkan di dalam *Blueprint* dengan mencapai peratusan perolehan hijau sebanyak 14% bagi tahun 2014 dan 9.9% bagi tahun 2015. Di samping menyokong pertumbuhan ekonomi hijau, PDRM merupakan pelopor dalam melaksanakan perolehan hijau di kalangan organisasi lain di sektor kerajaan.

3.3 Pengurusan Bangunan, Tenaga dan Utiliti

a. Pelaksanaan Audit Tenaga

Pengauditan tenaga telah dilaksanakan oleh GreenTech Malaysia di empat (4) bangunan terpilih yang menjadi projek perintis PDRM iaitu Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Pengauditan tenaga ini bertujuan untuk membuat analisis kadar penggunaan tenaga di bangunan tersebut dan mencadangkan pelan tindakan yang bersesuaian bagi pelaksanaan aktiviti kecekapan tenaga.

b. Aktiviti Retrofit di Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail

Aktiviti retrofit telah dilaksanakan di Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail bagi menjadikan Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail sebagai salah satu balai polis hijau di Malaysia dan menjadi contoh kepada balai-balai yang lain. Antara langkah dan aktiviti yang dijalankan termasuklah penukaran lampu cekap tenaga, pembangunan sistem pemantauan penggunaan tenaga secara atas talian dan pembersihan penghawa dingin secara

komprehensif. Aktiviti retrofit ini dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif program kecekapan tenaga yang dicadangkan di dalam laporan audit tenaga. Majlis Pelancaran Inisiatif Hijau di Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail ini telah disempurnakan oleh YDH CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah pada 7 Januari 2015. Menerusi inisiatif ini, Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sehingga 32% bersamaan dengan 2,786kWh dan pengurangan pembebasan karbon dioksida sehingga 2.06tanCO₂ pada tahun 2015 berbanding penanda aras tahun 2013.



**c. Pensijilan Bangunan Hijau:
Penarafan Hijau (pH JKR) 3-BINTANG**

Balai Polis Taman Tun. Dr. Ismail telah mendapat sijil penarafan hijau (pH JKR) 3-BINTANG bagi inisiatif-inisiatif hijau yang telah dilaksanakan di balai polis tersebut. Majlis Penyerahan sijil tersebut telah diadakan pada 13 Julai 2015.



**d. Pemasangan Sistem Solar Hibrid di
Balai Polis Pulau Mabul**

Kerjasama telah dijalankan dengan syarikat TM Berhad bagi pemasangan sistem solar hibrid yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan bahan api (diesel) di balai polis dan kuarters di pulau tersebut



e. Pelaksanaan Amalan Hijau di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman

Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman bersama-sama mengambil inisiatif untuk membudayakan amalan hijau dalam aktiviti harian seperti menggalakkan penggunaan tangga, penutupan sistem penghawa dingin secara automatik selepas waktu bekerja dan penutupan lampu semasa waktu rehat tengah hari. Hasil daripada aktiviti ini, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 440,354kWh dan pengurangan pelepasan karbon dioksida sebanyak 326tanCO₂ pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya.

3.4 Pengurusan Pengangkutan

a. Penggunaan Skuter Elektrik Eclimo

Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman telah membeli sebanyak 33 buah skuter elektrik bagi kegunaan AMANITA di Kontinjen Kuala Lumpur dan Kontinjen Selangor pada tahun 2014 dan digunakan untuk tujuan rondaan dan pencegahan jenayah di samping mengurangkan penggunaan bahan api dan pelepasan karbon dioksida ke udara. Menerusi penggunaan skuter elektrik ini, didapati ianya dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sehingga 44% berbanding penggunaan motosikal konvensional.



b. Amalan Hijau bagi Pengurusan Pengangkutan

PDRM berjaya mengurangkan penggunaan tahunan bahan api petrol sehingga 6.6% iaitu sebanyak 2.63 juta liter dan pengurangan pelepasan karbon dioksida sebanyak 7,120tanCO₂ pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya dengan mengamalkan amalan hijau dalam pengurusan pengangkutan. Antara insiatif yang dilaksanakan seperti penggantian kenderaan lama yang mempunyai kadar emisi yang tinggi, berkongsi kenderaan ke destinasi yang sama, dan tidak membiarkan enjin melahu (*idling*) semasa menunggu.



3.5 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Penggunaan PC Power Management

Bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan pelepasan gas karbon dioksida, PDRM telah memasang perisian cekap tenaga **PC Power Management** bagi 600 buah komputer di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman. Inisiatif ini dilihat dapat menjimatkan kos pengoperasian sehingga RM55,430 dan pengurangan pelepasan karbon dioksida sebanyak 89,700tanCO₂ sepanjang 2 tahun pelaksanaannya.



3.6 Komuniti dan Masyarakat

a. Penganjuran Program Green Explore Race

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama GreenTech Malaysia telah menganjurkan **Green Explore Race** pada 15 Jun 2014 di sekitar Putrajaya dan Lembah Klang bagi memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan tentang teknologi hijau. Polis Diraja Malaysia yang diwakili oleh pegawai dan anggota daripada Bukit Aman dan sekitar Selangor telah terlibat sebagai peserta dalam program ini.



b. Penganjuran MyHIJAU Youth Camp



Seramai 70 orang pelajar daripada kalangan keluarga PDRM telah turut serta dalam program **MyHIJAU Youth Camp** selama 3 hari pada 22-24 Ogos 2014 di Agrotek Resort Hulu Langat anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan GreenTech Malaysia. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran kepada komuniti PDRM tentang kepentingan teknologi hijau terutamanya kepada generasi muda.

c. Program *Community Policing* dan Pembersihan Taman Laut, Pulau Perhentian

PDRM telah mengambil bahagian dalam Program *Community Policing* dan Pembersihan Taman Laut di Pulau Perhentian, Terengganu pada 15 Oktober 2014. Program ini adalah salah satu cara *Community Policing* dalam usaha untuk mengeratkan hubungan antara pihak polis dan orang awam dan pemuliharaan alam sekitar dengan menjalankan aktiviti pembersihan dasar laut.



d. Penglibatan dalam Karnival Ya Hijau

PDRM telah terlibat dalam pameran Karnival Ya Hijau anjuran Yayasan Hijau Malaysia pada 7 Mac 2015 di Kompleks Sukan Pagoh dan 13 Jun



2015 di Dataran Putra Padang Terap. PDRM telah mempamerkan inisiatif hijau yang telah dilaksanakan oleh PDRM bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada komuniti dan masyarakat sekeliling mengenai kepentingan teknologi hijau.

e. Program *Go Green* PDRM Indahkan Bukit Broga

Program ini diadakan pada 6 Jun 2015 bertujuan untuk mengindahkan dan membantu membersihkan kawasan persekitaran bukit yang sering tercemar dengan botol plastik, tin minuman serta bekas makanan yang sering ditinggalkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ketika membuat pendakian di bukit berkenaan. Ia juga adalah salah satu usaha PDRM dalam mengamalkan budaya kerja dan hidup yang sihat selari dengan seruan kerajaan menggalakkan warganya sentiasa sihat dan kuat dalam menjalankan kerja seharian.





f. PDRM Green Day Programme

Polis Diraja Malaysia dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan GreenTech Malaysia telah menganjurkan **PDRM Green Day Programme** pada 16 Disember 2015 bertempat di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. Program ini dianjurkan bertujuan memberi kesedaran kepada seluruh komuniti PDRM tentang kepentingan teknologi hijau, penggunaan produk dan perkhidmatan hijau serta memberi pendedahan tentang penggunaan kenderaan elektrik. Selain itu, program ini juga merupakan platform bagi PDRM untuk mengumumkan pencapaian pelaksanaan **Blueprint** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau kepada umum. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Polis Negara, YDH IG Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar.

3.7 Lain-Lain

a. GreenTech Award - Malaysia's Top 30 Green Catalyst 2014

Polis Diraja Malaysia telah mendapat anugerah **Malaysia's Top 30 Green Catalyst** 2014 di Malam Anugerah GreenTech Award pada 29 Januari 2015 bertempat di Hotel Majestic Kuala Lumpur. Anugerah ini sebagai pengiktirafan kepada PDRM di atas inisiatif dan usaha melaksanakan teknologi hijau dan menjadi pelopor dalam pembangunan teknologi hijau di Malaysia dengan penghasilan **Blueprint** Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau. PDRM telah diwakili oleh Timbalan Ketua Polis Negara, YDH DIG Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim bagi menerima anugerah ini pada majlis tersebut.



Oleh Tan Sri Khalid Abu Bakar



Amalan hijau PDRM

Dalam kesibukan tugas menjaga keselamatan negara dan memelihara kesejahteraan awam, Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak ketinggalan dalam kebertanggungjawabannya untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi, bertujuan memminimalkan kesan negatif ekoran aktiviti manusia yang tidak terkawal.

Amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau merupakan inisiatif PDRM untuk mematuhi Dasar Teknologi Hijau Negara, sekali gus menjadi agensi kerajaan pertama dalam memelopori amalan hijau bagi mengurangkan aktiviti harian yang boleh memberi kesan langsung ataupun tidak langsung kepada komuniti persekitaran tempatan, serantau dan global. Usaha ini amat penting demi menjaga kelestarian alam sekitar kerana bumi yang kita hidup ketika ini adalah warisan generasi akan datang. Sehubungan itu, segala bentuk aktiviti yang kita lakukan hari ini harus mesra alam dan tidak menjejaskan keperluan, keselamatan dan kesejahteraan hidup anak cucu kita kemudian hari.

Ke arah melancarkan alam sekitar, PDRM mengorak langkah permulaan dengan melancarkan Teknologi Hijau PDRM pada 27 Disember 2012 serta agenda 'Go Green PDRM' bertujuan meningkatkan kesedaran warga PDRM mengenai kepentingan pelaksanaan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau. Ia merupakan inisiatif PDRM untuk menyahut Dasar Teknologi Hijau Negara di pejabat, balai serta institusi PDRM keseluruhannya.

Untuk makluman pembaca, amalan hijau bermaksud tindakan serta aktiviti sebanan yang menjurus kepada pemeliharaan alam sekitar dan sumber semula jadi, serta langkah mengurangkan kesan negatif yang merosakkan alam sekitar. Teknologi hijau pula merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan sumber semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif hasil tindakan manusia.

Rugi melaksanakan inisiatif amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau ini. Blueprint Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau PDRM sudah dibangunkan seteras dengan Agenda Teknologi Hijau Negara yang bertujuan menggalakkan pemeliharaan alam sekitar dan menjamin persekitaran yang selamat kepada masyarakat. Blueprint atau rancangan tindakan pembangunan ini dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak, pada 9 Januari 2014 dengan tujuan mewujudkan kesedaran dan meningkat

kan pengetahuan warga PDRM dan masyarakat mengenai konsep amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau, sekali gus menjadikan PDRM sebagai perintis dan contoh agensi kerajaan yang pertama dalam memelopori amalan dan teknologi hijau di sektor awam. Seminar Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) PDRM yang berlangsung pada 27 November 2014 beraja meletakkan PDRM sebagai perintis dalam pelaksanaan perolehan hijau kerajaan.

PDRM melalui Jabatan Sumber Strategik Dan Teknologi (ESTET), yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Logistik mengorak langkah positif untuk menyahut seruan kerajaan dengan mengatur pelbagai program membudayakan amalan hijau dan mengaplikasikan teknologi hijau sebagai agenda penting jabatan dalam menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar. Atas kesedaran bahawa pembangunan yang seimbang dan lestari adalah penting bagi menjamin kualiti hidup masyarakat, StaRT memberi tumpuan utama ke arah:

- Meningkatkan kesedaran dan meningkatkan pengetahuan warga PDRM dan masyarakat sekelilingnya terhadap amalan teknologi hijau.
- Menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap dan efisien.
- Menggunakan sumber air yang berhemah.
- Menggunakan sistem pengangkutan yang mesra alam sekitar.
- Menggalakkan penggunaan produk dan perkhidmatan hijau.

Program kesedaran amalan hijau PDRM bermula dengan pelancaran 'Go Green PDRM' pada 27 Disember 2012 dan diteruskan dengan pelancaran penggunaan tong kitar semula di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman pada 19 April 2013, yang mana ia setari dengan amalan 3R iaitu Reduce, Recycle, Reuse.

Atas kesedaran bahawa budaya hijau bukan sahaja memanfaatkan alam sekitar tetapi juga akan menjimatkan perbelanjaan kerajaan, PDRM mengamalkan penggunaan lampu diod pemancar cahaya (LED) yang jimat tenaga bagi menggantikan lampu biasa yang mudah rosak. Penggunaan peralatan elektrik hijau dan efisien, serta amalan mengawal suhu dalam bangunan yang optimum kini menjadi amalan PDRM. Malah sistem kitar semula gas pendingin udara kenderaan su-



dahapan diamalkan di Maktab Teknik PDRM. Kempen kesedaran dengan menaruh suis lampu dan peralatan elektrik seperti komputer, mesin pendingin dan alat pengubah tenaga apabila tidak digunakan turut dilaksanakan sebagai langkah penjimatan.

PDRM juga sudah memulakan inisiatif hijau di semua bangunan baru termasuk Ibu pejabat polis daerah (IPD) dan balai polis dengan menandakan ciri ciri bangunan hijau melalui khidmat nasihat daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KEHTHA) serta Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTO). Pengubahsuaian bangunan dan pembangunan kompleks pejabat dan perumahan polis yang baru juga akan turut mengambil kira aspek dan ciri-ciri hijau. Bangunan hijau pertama PDRM dalam perancangan untuk dibangunkan di Kuala Lumpur bagi menggantikan Balai Polis Tun HS Lee yang juga akan menempatkan Cawangan Trafik Kuala Lumpur.

Antara ciri yang terdapat pada bangunan itu ialah reka bentuk dalaman yang akan mengambil kira kesan percahayaan semula jadi termasuk penggunaan lampu LED dan juga kemampuan 'rain water harvesting'.

Balai Polis Taman Tun Dr Ismail (TTDI) merupakan projek perintis kepada rangka tindakan PDRM untuk mengurangkan kecekapan guna tenaga di balai polis seluruh negara dan diberi penaratan bangunan hijau PDRM. Melalui inisiatif ini, balai

berkenaan menjalani langkah langkah untuk mengurangkan penggunaan elektrik sebanyak 10 peratus berdasarkan laporan audit tenaga yang dilakukan.

Projek perintis ini akan menjadi penanda aras untuk 800 buah balai di seluruh negara. Pelaksanaan inisiatif di balai polis TTDI ini dicpta dengan ciri-ciri yang interaktif di mana televisyen di ruang utama balai memaparkan penggunaan harian tenaga elektrik, sekali gus memudahkan pemantauan setiap hari. Penggunaan elektrik harian di balai itu juga boleh dipantau secara dalam talian (online) bagi memudahkan orang ramai melihat ke berkesanan inisiatif hijau yang dijalankan.

Selain Balai Polis TTDI, tiga bangunan balai polis di Serdang, Selangor, Ibu pejabat Polis Kontinjen Selangor di Shah Alam dan Menara Daa, Ibu pejabat Bukit Aman turut menjalani proses pengauditan tenaga ia bertujuan mengumpul indeks penggunaan tenaga selama setahun dan mengadakan semakan yang perlu dilakukan supaya bangunan berkenaan mencapai tahap tenaga hijau.

Menyadari halok bahawa balai daripada RM30 juta setahun di belanjakan untuk kertas dan toner dalam melaksanakan tugas harian, PDRM juga mengambil langkah penjimatan dengan amalan komunikasi elektronik seperti e-meil dan juga memperkenalkan e-slip bagi menggantikan slip gaji pada tahun 2010 di mana sejumlah RM2.8 juta

setahun dapat dijimakan. Kloran pengurangan kos kertas, pencetakan dan mengesep slip gaji.

PDRM menggunakan lebih daripada 25,000 buah pelbagai jenis kenderaan dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang membolehkan penggunaan bahan bakar tidak kurang daripada RM90 juta setahun. Penggunaan bahan bakar ini juga menyumbang secara langsung kepada pencemaran alam sekitar. Sewaktu pelancaran Rangka Tindakan Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi PDRM pada 9 Januari 2014, memorandum persefahaman (MoU) antara PDRM dan DERAN Research Technologies Sdn Bhd dimeterai untuk menguji penggunaan sistem enjin hibrid RIVOLO pada kenderaan polis. Sistem itu dijangka dapat mengurangkan penggunaan minyak sebanyak 35 peratus, mengurangkan penghasilan karbon sebanyak 40 peratus, menjimat kos penyelenggaraan serta dapat memelihara enjin dengan baik.

Selain itu, penggunaan skuter elektrik adalah juga sebahagian daripada inisiatif amalan hijau PDRM bagi mengurangkan bahan api termasuk pencemaran udara dan bunyi. Skuter elektrik berkenaan dapat mengurangkan pengeluaran karbon dioksida yang mampu meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Para pembaca budiman, kemasyarakatan alam sekitar dan bencana alam adalah fenomena tindakan manusia yang gagal menjaga dan memelihara kelestarian alam sekitar. Marilah sama-sama kita memulakan usaha murni untuk melindungi bumi ini daripada terus musnah dan dibancutkan oleh tindakan manusia. Tanggungjawab kita untuk memelihara alam sekitar jelas melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "Dunia ini hijau dan cantik dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan." (Riwayat Muslim). Jelasnya, setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan generasi akan datang dapat menikmati bumi yang selamat dan sejahtera.



"If future generations are to remember us more with gratitude than sorrow, we must achieve more than just the miracles of technology. We must also leave them a glimpse of the world as it was created, not just as it looked when we got through with it." - Lyndon B. Johnson

Penulis Ketua Polis Negara

FAKTA
 Bangunan hijau pertama PDRM dalam perancangan untuk dibangunkan di Kuala Lumpur bagi menggantikan Balai Polis Tun HS Lee

4.0 PENCAPAIAN PROGRAM GO GREEN PDRM 2014 - 2015



4.1 Perolehan Hijau Kerajaan (GGP)



Pada tahun 2014, PDRM telah membelanjakan sebanyak **RM30,714,460** iaitu **15%** daripada jumlah peruntukan kewangan keseluruhan untuk membeli produk dan perkhidmatan yang berkonsepkan teknologi hijau. Ini melebihi sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2014 iaitu 2.5% perolehan yang berkonsepkan teknologi hijau. Pada tahun 2015 pula, PDRM telah membelanjakan sebanyak **RM11,396,270.10** iaitu 10% daripada jumlah peruntukan di mana ia juga melebihi sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2015 iaitu 5% perolehan yang berkonsepkan teknologi hijau.


4.2 Bangunan, Tenaga dan Utiliti

4.2.1 Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail




Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail yang merupakan projek perintis bagi balai polis hijau telah berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sehingga **32%** iaitu bersamaan **2,786kWh** pada tahun 2015 berbanding tanda aras tahun 2013. Manakala bagi pelepasan karbon dioksida, sebanyak **2.06tanCO2** berjaya dikurangkan dengan pelaksanaan inisiatif hijau di balai tersebut.

4.2.2 Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman




Pelaksanaan amalan hijau di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman telah berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak **2.09%** iaitu **440,354.96 kWh** pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Bagi pelepasan karbon dioksida pula, sebanyak **326.3tan CO2** berjaya dikurangkan menerusi inisiatif yang dilaksanakan ini.

4.3 Pengurusan Pengangkutan




Pada tahun 2015, sebanyak **2,629,274.35** liter petrol berjaya dikurangkan penggunaannya di mana sebanyak **RM11,469,024.17** dapat dijimatkan dengan pelaksanaan konsep amalan hijau dalam pengurusan pengangkutan. Menerusi inisiatif ini, sebanyak **7,120tan CO₂** telah dikurangkan pelepasannya ke alam sekitar.

4.4 Program Kitar Semula (3R)



Sepanjang 5 bulan pelaksanaan program kitar semula di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, sebanyak **13,601.5kg** sisa pepejal domestik yang boleh dikitar semula berjaya dikumpulkan dan jumlah jualan adalah sebanyak **RM3,723**. Daripada jumlah pengumpulan tersebut, potensi penghindaran pembebasan karbon dioksida adalah sebanyak **3,944.45tan CO₂**.

5.0 KERANGKA *BLUEPRINT*



6.0 STRATEGI DAN INDIKATOR

6.1 Sasaran Output, Strategi dan Indikator

BIL	SASARAN	STRATEGI	INDIKATOR
1.	Mengukuhkan kerangka institusi bagi melaksanakan program berkaitan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau di PDRM	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mendapatkan komitmen pengurusan tertinggi bagi menyokong dan melaksanakan aktiviti amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau ▪ Penambahbaikan dan pemantapan struktur Jawatankuasa Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau PDRM ▪ Penambahbaikan diskripsi tugas pegawai dan anggota PDRM dengan memasukkan elemen teknologi hijau dalam tugasan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Semakan semula secara berkala ▪ Pengiktirafan dan pensijilan daripada organisasi dalam dan luar negara
2.	Meningkatkan tahap kesedaran warga PDRM dan masyarakat dalam amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengadakan kempen dan promosi melalui <i>roadshow</i>, media cetak, elektronik, media sosial dan pengiklanan di kenderaan PDRM ▪ Program amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau yang berterusan dan berasaskan pemupukan serta pengukuhan kemahiran penggunaan ▪ Menggalakkan penglibatan aktif semua warga PDRM dan komuniti dalam amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau serta gaya hidup hijau 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bilangan penganjuran aktiviti kempen dan promosi teknologi hijau
3.	Meningkatkan bilangan tenaga kerja yang kompeten dalam melaksanakan amalan hijau dan aplikasi hijau PDRM	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan modul pengenalan bagi pelatih inspektor dan konstabel di Pusat Latihan Polis dan modul lanjutan/kursus latihan kepada warga PDRM berkaitan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau bagi Latihan Dalam Perkhidmatan ▪ Menyertai program kompetensi dan pembangunan kapasiti serta kursus yang berkaitan bagi meningkatkan kefahaman warga PDRM 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Modul pengenalan dan lanjutan ▪ Program kompetensi dan pembangunan kapasiti yang disertai bersama agensi/institusi yang relevan dan diiktiraf

BIL	SASARAN	STRATEGI	INDIKATOR
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaksanaan <i>Train of Trainer</i> (TOT) kepada tenaga pengajar PDRM ▪ Penstrukturan dan kajian semula penempatan pegawai / anggota / sukarelawan polis dan pegawai kader dari agensi teknikal berdasarkan kepakaran masing-masing mengikut keperluan PDRM ▪ Memberi pengiktirafan dan sijil kepada warga kerja dan Jabatan yang memperoleh pencapaian dalam amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau 	
4.	Pembangunan dan penambahbaikan prosedur serta garis panduan berkaitan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghasilkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan arahan dalaman yang baru ▪ Mengkaji semula dan menambahbaik SOP dan arahan dalaman yang sedia ada 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ SOP kepada setiap sektor utama mengenai dasar amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau
5.	Meningkatkan perolehan hijau kerajaan (GGP) bagi melaksanakan amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaksanaan GGP secara berperingkat di PTJ dan melakukan pemilihan kumpulan produk yang disyorkan oleh Kerajaan ▪ Membuat unjuran berdasarkan pencapaian pelaksanaan tahun sebelumnya ▪ Memanfaatkan peruntukan dari program-program Kerajaan yang sedia ada ▪ Menjalankan kerjasama dengan agensi/organisasi Kerajaan dan swasta bagi pelaksanaan program berkaitan hijau ▪ Melaksanakan syarat khas kepada pembekal bagi tujuan pelaksanaan perolehan hijau 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peratus pelaksanaan perolehan hijau ▪ Jumlah kolaborasi dengan agensi / organisasi

BIL	SASARAN	STRATEGI	INDIKATOR
